



Lembah Ladang Makanan Jeli  
(Jeli Food Farm Valley - JFFV)

# Tanaman Selingan Antara Mesta Dan Lada Solok

## PENULIS TAMU

**PROFESOR DR.  
AWENG A/L EH RAK**

Pensyarah Fakulti Sains  
Bumi, Universiti Malaysia  
Kelantan, Kampus Jeli.  
*Email:* aweng@umk.edu.my



LEMBAH Ladang Makanan Jeli atau lebih dikenali dengan Jeli Food Farm Valley (JFFV) merupakan satu projek yang dibangunkan bertujuan untuk menjadikan UMK Kampus Jeli sebagai gedung mini makanan di Jajahan Jeli yang mempunyai keluasan lebih kurang 1,300 kilo meter persegi dan penduduknya seramai lebih kurang 43,000 orang. Kedudukan UMK di Jajahan Jeli bukan sahaja dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan agen perubahan kepada masyarakat di Jeli tetapi juga boleh dijadikan sebagai gedung untuk menghasilkan makanan bukan sahaja kepada penduduk Jeli tetapi juga penduduk negeri Kelantan keseluruhannya.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli yang mempunyai tanah yang agak luas dan subur, disamping terletaknya tiga fakulti iaitu Fakulti Sains Bumi (FSB), Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) yang mempunyai pakar-pakar sebagai rujukan kepada perlaksanaan projek, adalah amat sesuai dan bertepatan.

JFFV ini sebenarnya berkonsepkan

